



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel: +603-2612 5600
Faks: +603-2612 5620
Portal Rasmi: www.suhakam.org.my
Email: humanrights@suhakam.org.my

Rujukan kami
Tarikh

: SHM.013/13/121
: 1 September 2020

Melalui e-mel sahaja

SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM EMEL

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan,

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PERSPEKTIF AGAMA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan sebuah badan berkanun dan institusi hak asasi manusia kebangsaan yang ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.
3. Bagi meneruskan promosi hak asasi manusia di Malaysia, sukacita dimaklumkan bahawa SUHAKAM akan menganjurkan **Pertandingan Menulis Artikel Hak Asasi Manusia daripada Perspektif Agama**. Pertandingan ini akan memberi fokus kepada hak asasi manusia daripada perspektif empat agama/kepercayaan iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu yang bertemakan hak kanak-kanak dan wanita.
4. Maklumat lanjut mengenai pertandingan turut disertakan dalam e-mel ini. Peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini juga boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman web www.suhakam.org.my. Promosi dan hebahan juga akan disebarluaskan melalui media sosial SUHAKAM seperti Twitter, Facebook dan Instagram.
5. Oleh yang demikian, pihak SUHAKAM amat berbesar hati sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan dapat menghebahkan dan menyampaikan maklumat mengenai pertandingan ini kepada semua warga organisasi/institusi/sekolah di bawah seliaan masing-masing. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Pn. Elza Nadiah bt Shaik Sulaiman (Pegawai Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Dokumen)** di talian 03-2612 5686 atau emel elza@suhakam.org.my.

6. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

Yang benar,


DR. CHEAH SWEE NEO
Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)



PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PERSPEKTIF AGAMA

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- a. Pertandingan Menulis Artikel Hak Asasi Manusia daripada Perspektif Agama memberi fokus kepada empat agama/kepercayaan iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.
- b. Tema pertandingan adalah merujuk kepada:
 - i. **Hak Kanak-kanak daripada perspektif agama**
 - ii. **Hak Wanita daripada perspektif agama**
- c. Penyertaan adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.
- d. Setiap penyertaan adalah secara individu dan hanya boleh menghantar tidak lebih daripada dua penyertaan sahaja. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan yang disediakan.
- e. Artikel yang ditulis mestilah hasil penulisan sendiri, asli dan belum pernah disiarkan dalam mana-mana penerbitan. Plagiat adalah dilarang sama sekali dan jika berlaku, penyertaan akan dibatalkan manakala sijil/hadiah perlu dipulangkan kepada SUHAKAM. SUHAKAM berhak untuk menerbitkan, menyunting atau menggunakan artikel peserta sepenuhnya (tanpa mengubah kandungan asal) dan akan memberikan kredit terhadap artikel peserta dengan memaparkan nama penuh peserta dalam penerbitannya/program SUHAKAM.
- f. Artikel yang dihantar kepada SUHAKAM tidak boleh dihantar ke pertandingan lain sehinggalah pengumuman keputusan pemenang diumumkan oleh SUHAKAM. Keputusan pengadilan adalah muktamad dan ditentukan sepenuhnya oleh SUHAKAM.
- g. **Format penulisan** adalah seperti berikut:
 - Penulisan mestilah dalam **Bahasa Melayu sahaja** dan jumlah perkataan adalah mengikut kategori:

| Kategori A (Berumur bawah 18 tahun) | Kategori B (Orang awam) |
|---|---|
| Antara 1200 hingga 1500 patah perkataan (4/5 halaman) | Antara 2300 hingga 2500 patah perkataan (8/9 halaman) |

*Sekiranya terdapat sumber rujukan yang ditulis secara nota kaki (*footnotes*) ia tidak termasuk jumlah patah perkataan.

- Ditaip di atas kertas A4 menggunakan perisian Microsoft Office-Word. Setiap helaian artikel perlu ditandatangan, nama dan no. kad pengenalan peserta (di tulis tangan) di bahagian bawah kanan muka surat. Artikel perlu di taip sebelah muka surat sahaja dan pastikan mempunyai nombor muka surat.
- Jenis aksara-Arial; Saiz aksara-12; Langkau baris-1.5; *Justify*
- Penyertaan hendaklah dihantar dalam **bentuk hard copy sahaja sebanyak 5 salinan ke alamat berikut:**

Urusetia

(Pertandingan Menulis Artikel Hak Asasi Manusia daripada

Perspektif Agama)

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Tingkat 11, Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

- i. Sebarang pertanyaan hubungi Pn. Elza Nadiah bt Shaik Sulaiman di talian 03-2612 5686/5693 atau e-mel elza@suhakam.org.my.
- j. Pengumuman pemenang adalah dalam tempoh bulan Mac hingga April 2021.
- k. Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan dan pemenang akan dihubungi oleh pihak urusetia bagi urusan penyampaian hadiah.

KRITERIA PEMARKAHAN DAN PENGADILAN

Pemarkahan dan pengadilan adalah seperti berikut:

| BIL. | KRITERIA MARKAH | MARKAH (%) |
|------|---|------------|
| i. | Isi dan olahan | 20 |
| ii. | Analisis masalah/fakta | 30 |
| iii. | Gaya bahasa | 20 |
| iv. | Cadangan/idea | 25 |
| v. | Ketepatan ejaan dan penggunaan tatabahasa | 5 |
| | Jumlah | 100 |

BORANG PERTANDINGAN
PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PERSPEKTIF AGAMA

| | |
|------------------------|--|
| Nama | |
| No. Kad Pengenalan | |
| Tajuk Artikel | |
| Tema | Kanak-kanak / Wanita (sila bulatkan) |
| Kategori | Kategori A / Kategori B (sila bulatkan) |
| Jumlah patah perkataan | : |
| Alamat surat menyurat | |
| E-mel dan No. Tel: | |
| Pengakuan Peserta | <p>Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar dan bersetuju dengan terma dan syarat penyertaan yang ditetapkan oleh SUHAKAM. Kami bersetuju dan mematuhi segala syarat pertandingan dan mengakui bahawa keputusan pertandingan adalah bersifat muktamad.</p> <p>Saya juga mengaku bahawa artikel ini tidak akan dihantar kepada mana-mana pertandingan selain pertandingan ini dan hanya boleh dihantar selepas keputusan pemenang diumukan oleh SUHAKAM.</p> <p>Sekiranya terma dan syarat penyertaan tidak dipatuhi, SUHAKAM berhak membatalkan penyertaan saya.</p> <p>(Sila tanda ✓ dalam kotak)</p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> Tarikh:</p> |
| Untuk urusan Urusetia | <p><i>Tarikh penerimaan penyertaan:</i> <i>Disahkan oleh:</i></p> |